

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
[JERANTUT]
TARIKH : 27.11.2019 (RABU)

SOALAN NO. 12

minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan adakah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) menyediakan bantuan kepada syarikat-syarikat tempatan yang bergelut dengan masalah akibat daripada ketidaktentuan pasaran dan ekonomi semasa yang suram.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) adalah sebuah agensi kerajaan yang berperanan sebagai pembekal maklumat korporat dan perniagaan serta badan yang mengawal selia undang-undang yang ditadbir olehnya, dan bukan sebagai agensi penyedia dana kepada sektor perniagaan.
2. Walau bagaimanapun, SSM turut mengambil bahagian di dalam usahanya untuk membantu dalam menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara melalui pelbagai inisiatif berkonsepkan tanggungjawab sosial, tetapi masih tertakluk kepada skop bidang kuasa SSM.

3. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan oleh SSM adalah seperti pengenalan skim bantuan untuk membantu para peniaga mendaftar dan memulakan perniagaan termasuklah golongan pelajar di peringkat pengajian tinggi dan orang kurang upaya. Antara skim-skim yang dimaksudkan adalah BizGrant SSM, Skim 1 Pelajar 1 Perniagaan dan Skim 1 OKU 1 Perniagaan.

4. BizGrant SSM adalah satu skim pemberian kepada peniaga-peniaga kecil dalam bentuk peralatan bagi menjalankan perniagaan dengan jumlah maksimum sebanyak RM 3,000 kepada setiap pemohon yang berjaya. Antara peralatan yang telah dibekalkan melalui skim ini adalah seperti peralatan menjahit, memasak dan sebagainya.

5. Skim 1 Pelajar 1 Perniagaan pula adalah satu skim yang memberi peluang kepada para pelajar di Institusi Pengajian Tinggi dalam negara untuk mendaftarkan perniagaan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan secara percuma. Melalui skim ini, hanya satu perniagaan sahaja dibenarkan untuk didaftarkan secara percuma bagi setiap seorang pelajar. Manakala, bayaran pembaharuan perniagaan bagi tahun-tahun selanjutnya tidak tertakluk di bawah skim ini.

6. Skim 1 OKU 1 Perniagaan adalah antara skim bantuan yang diberikan kepada golongan orang kurang upaya (OKU) untuk berkecimpung dalam dunia perniagaan. Melalui skim ini, setiap seorang OKU layak mendaftarkan satu perniagaan dan memperbaharui pendaftaran perniagaan tersebut secara percuma.

Sekian, terima kasih.